

LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN ISNIN 14 JANUARI 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MOA SYOR TEMPOH TOL DILANJUT, PILIHANRAYA KECIL, BH -12 NILAI JUALAN GBBS DISASAR MENINGKAT, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E1 FISHERMEN TO EXPORT SMALL FISHES, NEWS, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -1,3 MOA GESA KERAJAAN PAHANG BERI LANJUTAN 30 THN TOL KEPADA PETANI, ASTRO AWANI -ONLINE SIM URGES APPROVING LAND TITLE TO FARMERS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A6 30-YEARS OF TITLE DEEDS FOR CAMERON FARMERS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 MANOGARAN: CONVERT FARMER'S LAND TOL TO LEASE, NATION, SIN CHEW DAILY -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
8. 9.	3,000 PETANI RUGI HADAPI PADI ANGIN, UTARA, HAKAKAH -N18 TANAMAN MUSNAH DITENGSELAMI AIR, KLANG, SH -22	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10.	BIMBING USAHAWAN NBME, BESTARI, HM -47	LEMBAGA PEMASARAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12.	LPP SASAR TUBUH YAYASAN BANTU PELADANG, ISU, BH -18 LPP PRIHATIN KEBAJIKAN PELADANG, SENTRAL, SH -20	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13. 14. 15. 16.	NO PRICE INCREASE FOR PORK DURING CNY, NEWS, SIN CHEW DAILY (KUCHING) -7 FRUIT FARMER FEDERATION RAISING FUND TO BUILD NEW CENTRE, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -2 PERLUAS SKIM PERKESO KEPADA PETANI, MSN NEWS -ONLINE KEDAH TIDAK BERNIAT SAINGI PERLIS, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -22	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	BERITA HARIAN	PILIHAN RAYA KECIL	12

MOA syor tempoh TOL dilanjut

➡ Pelaksanaan bantu petani kembangkan aktiviti pertanian

Oleh Laporan Syed Umar Ariff, Nasaruddin Mohd Parzi, Rizanizam Abdul Hamid, Sharaani Ismail, TN Alagesh dan Nik Sukry Ramli
cnews@nstp.com.my

■ Cameron Highlands

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mahu Kerajaan Pahang memberi lanjutan masa sehingga 30 tahun, kepada penerima lesen pendudukan sementara (TOL) untuk menjalankan aktiviti pertanian mereka di kawasan ini.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin, berkata langkah sedemikian perlu bagi membolehkan usaha kerajaan membangunkan aktiviti pertanian khususnya di kawasan ini, dapat dijayakan.

Beliau berkata, ketika ini ramai petani yang menggunakan TOL untuk menjalankan aktiviti pertanian berdepan kesu-

karan mengembangkan pertanian, sekali gus menjejaskan peluang pertumbuhan ekonomi di kawasan ini.

Masalah tak selesai

"Di Cameron Highlands ada kira-kira 80 peratus petani menghadapi masalah ini. Masalah ini sudah lama, sudah 60 tahun tapi masih tidak diselesaikan.

"Kita (MOA) mempunyai wawasan dan hala tuju jelas untuk Cameron Highlands, sebab itu kita mahu kerajaan negeri mempunyai azam dan tekad, untuk memberi satu hala tuju baharu (dalam mencari penyelesaian terhadap masalah ini," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri sewajarnya mengambil perhatian mengenai masalah itu, memandangkan hal ehwal tanah terletak di bawah tanggungjawab mereka.

"Kita sudah bawa isu ini lama tetapi tidak ada maklum balas daripada kerajaan negeri.

"Jika masalah pengurusan dan pentadbiran TOL tidak diselesaikan, petani tidak dapat merancang membangunkan aktiviti pertanian untuk tempoh yang panjang," katanya.

Beliau berkata, kelewatan urusan memperbaharui TOL contohnya, menyebabkan petani sukar membuat pinjaman



Sim Tze Tzin

bank, memohon mengambil pekerja asing, apatah lagi terabit dalam program inovasi baharu berkapasiti tinggi, bertujuan meningkatkan produktiviti hasil pertanian mereka.

"Kalau tempoh pendek, mereka tidak bawa teknologi baharu, tarik pelabur tempatan.

"Sebab itu pembangunan pertanian di Cameron Highlands, kedudukannya masih kekal sama sejak berpuluh tahun dan tidak boleh maju," katanya.

Beliau berkata, ketika ini petani yang kali pertama memohon TOL diberi tempoh tiga tahun, mereka perlu memperbaharui lesen itu setiap tahun.

"Masalahnya kini, contoh Januari dia mahu perbaharui, tidak ada jaminan diluluskan atau tidak. Ada kes sampai lima tahun tak boleh buat (perbaharui TOL). Jadi bagaimana dengan pertanian mereka.

"Ada kes tidak dapat diperbaharui, tiba-tiba dia dapat surat kena bayar cukai tanah. Jadi petani di sini susah merancang. Mereka tidak boleh dapat pinjaman kewangan," katanya.

Beliau berkata, satu jawatan kuasa membabitkan pelbagai pihak termasuk MOA, kerajaan negeri, agensi berkaitan seperti MARDI serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sudah ditubuhkan Kementerian Ogos lalu, bagi menyelesaikan masalah itu.

Teroka tanah haram

Menyentuh mengenai tanah haram, Tze Tzin berkata, ia sama sekali tidak berkaitan dengan pekebun yang menguruskan pertanian menerusi TOL dan kerajaan sama sekali tidak kompromi, terhadap pihak yang sengaja membuka tanah pertanian secara haram.

"(Penerokaan) tanah haram sudah ada penguatkuasaan. Tidak ada lagi pembukaan baharu. Kita tidak setuju penerokaan haram tetapi kita bercakap tanah diusahakan secara sah oleh petani," katanya.

Semalam, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata sehingga kini 24,007.4 hektar atau 3.2 peratus keluasan Cameron Highlands, diberi kepada pekebun melalui TOL untuk diusahakan.

Headline	Nilai jualan GBBS disasar meningkat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,183
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,549



SEGAR... Datuk Salahuddin Ayub melihat buah-buahan yang dijual di Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Agro Pelancongan Desaru ketika lawatan kerja ke gerai itu di Desaru Fruit Farm Agro Tourism kelmarin. Turut serta Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Ahmad Ishak dan Pengarah Desaru Fruit Farm Agro Tourism Steve Er Wee Heng. • Foto BERNAMA

Nilai jualan GBBS disasar meningkat

KOTA TINGGI: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menasaskan nilai jualan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) di seluruh negara meningkat kepada RM150 juta pada tahun ini berbanding hanya kira-kira RM123 juta, tahun lepas.

Menyerinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata sasaran lebih tinggi diletakkan berikutan terdapat kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat mengenai pemakanan yang sihat dan segar terutamanya bagi buah-buahan tempatan.

Justeru, untuk memenuhi sasaran tersebut, kementerian menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk menambah sebanyak 29 lagi GBBS yang baharu di seluruh Malaysia pada tahun ini bagi melengkapi 339 buah gerai sedia ada.

"Saya yakin dengan wujudnya premis-premis seperti ini di seluruh negara yang telah menampakkan kejayaan maka tiada masalah untuk

itu (capai sasaran)," katanya dalam sidang media selepas melawat ke GBBS Pelancongan Desaru Fruit Farm Agro Tourism, di sini semalam.

Salahuddin berkata dalam mencapai sasaran itu, beliau turut berharap agar pengusaha buah-buahan lain dapat mencontohi amalan yang dilakukan oleh GBBS Desaru yang menggunakan baja organik pada tanaman mereka.

Beliau berkata ini bagi memastikan buah yang dihasil atau ditanam menepati konsep makanan selamat.

"GBBS Desaru menggunakan 70 peratus baja organik dalam tanaman mereka dan 30 peratus lagi masih bergantung kepada baja kimia.

Ia merupakan satu contoh terbaik dan diharap dapat menjadi satu amalan yang menyeluruh dalam semua sektor pertanian kerana ia bagus untuk pemuliharaan alam sekitar selain menepati kriteria makanan selamat," katanya.

Sementara itu, mengulas dakwaan kononnya terdapat pengurangan permintaan di pasaran tempatan terhadap empat jenis ikan iaitu kem-

bung, selayang, pelaling dan selar, Salahuddin berkata situasi itu hanya membabitkan ikan bersaiz kecil.

Ikan bersaiz sederhana dan besar pula masih mendapat permintaan tinggi.

"Yang jadi isu ialah ikan bersaiz kecil dan ada permintaan daripada mereka (persatuan nelayan) untuk mengekspornya dan itu tidak ada masalah.

Pengeksportan itu mungkin ke negara jiran untuk tujuan baja (penghasilan baja) atau untuk industri makanan di negara tersebut," katanya.

Baru-baru ini, Presiden Persekutuan Perikanan, Xie Tian Xi memaklumkan, beberapa jenis ikan termasuk kembung, selayang, pelaling dan selar kurang mendapat sambutan di pasaran tempatan menyebabkan berlaku lambakan dalam kemudahan sejuk beku di seluruh negara.

Justeru itu, Xie berkata pihaknya akan bertemu Jabatan Perikanan pada 22 Jan ini supaya kerajaan membenarkan eksport untuk empat jenis ikan berkenaan. — Bernama

Headline	Fishermen to export small fishes		
MediaTitle	The Star (Metro South and East)		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,763
Page No	1,3	Readership	29,289
Language	English	ArticleSize	513 cm ²
Journalist	REMAR NORDIN	AdValue	RM 7,631
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,893



Keep overfishing at bay

The Agriculture and Agro-based Industry Ministry plans to step up enforcement to ensure local fishermen do not deplete the stock of fish in Johor's waters. >3

Fishermen to export small fishes

Unsold fish to be used in fertilising products, food production in neighbouring countries

By REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

KOTA TINGGI: The Agriculture and Agro-based Industry Ministry wants the Johor Fisheries Department to strengthen enforcement to ensure local fishermen do not overfish the small fishes here.

Minister Datuk Salahuddin Ayub said local fishermen voiced their concerns about unsold small-sized fishes in the markets and want to export them instead. "We do not have any problem

with such a suggestion as the country has enough supply to meet the local demand.

"Local fishermen want small fishes to be exported to neighbouring countries where they will be used in fertilising products and other forms of food production," said Salahuddin after carrying out a working visit to Desaru Fruit Farm here on Saturday.

He pointed out that the types of fishes were *kembung*, *selayang*, *pelaling* and *selar*.

"But this is only for small-sized fish, as there is continuous



Salahuddin looking at some fresh fruits during his working visit to Desaru Fruit Farm Agro Tourism in Kota Tinggi.

demand for average and large-sized fish," he said.

He added that the enforcement by the Fisheries Department would also control and regulate the small fish numbers that were being hauled by the fishermen.

Salahuddin said the Federal Agricultural Marketing Authority

(Fama) was targeting to rake in RM150mil in sales from its 339 fresh fruit stalls (GBBS) nationwide this year.

He said he was confident that this figure was achievable based on last year's performance of RM123mil.

"One of the factors that contri-

buted to this income is the implementation of Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP).

"The ministry has also introduced and is actively promoting the organic farming approach to make Malaysia a main producer of food products that is based on food safety," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

MOA gesa kerajaan Pahang beri lanjutan 30 thn TOL kepada petani



Sim Tze Tzin berkata industri pertanian di Cameron Highlands akan terus terkesan sekiranya isu lesen ini tidak diselesaikan.

TANAH RATA: Antara punca petani di Cameron Highlands tidak berupaya mengembangkan pertanian mereka disebabkan tempoh pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang terlalu singkat.

Disebabkan masalah ini sudah berlanjutan berdekad lama, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menggesa kerajaan negeri Pahang memberi lanjutan masa 30 tahun kepada penerima TOL.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin berkata industri pertanian di Cameron Highlands akan terus terkesan sekiranya isu lesen ini tidak diselesaikan.

"Di Cameron Highlands, ada dalam 80 peratus petani menghadapi masalah ini. Benda (masalah) ini sudah lama, sudah 60 tahun tapi masih tidak diselesaikan.

"Kita (MOA) mempunyai wawasan dan halatuju jelas untuk Cameron Highlands. Sebab itu, kita mahu kerajaan negeri mempunyai azam dan tekad baru untuk memberi satu halatuju baru dalam mencari penyelesaian terhadap masalah ini," katanya pada sidang media di Bilik Gerakan Pakatan Harapan di sini, pada Ahad.

Tambahnya, langkah sedemikian perlu bagi membolehkan usaha kerajaan membangunkan aktiviti pertanian khususnya di Cameron Highlands, dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Ketika ini, katanya, ramai petani berdepan kesukaran mengembangkan pertanian mereka, sekali gus menjejaskan peluang pertumbuhan ekonomi di kawasan ini.

Disebabkan hal ehwal tanah terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri, maka adalah wajar sekiranya mereka mengambil perhatian berhubung permasalahan ini.

"Kita sudah bawa isu ini lama tetapi tidak ada maklum balas daripada kerajaan negeri. Jika masalah pengurusan dan pentadbiran TOL tidak diselesaikan, petani juga tidak dapat merancang untuk membangunkan aktiviti pertanian untuk tempoh yang panjang.

"Kelewatan urusan memperbaharui TOL menyebabkan petani sukar untuk membuat pinjaman bank, memohon mengambil pekerja asing, apatah lagi terbabat dalam program inovasi baharu berkapasiti tinggi untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian mereka.

"Kalau tempoh (TOL) pendek, mereka juga tidak akan bawa teknologi baharu, tarik pelabur tempatan. Sebab itu pembangunan pertanian di Cameron Highlands, kedudukannya masih kekal sama sejak berpuluh tahun dan tidak boleh maju," katanya.

Menurut Sim, ketika ini petani yang pertama kali memohon TOL akan diberi tempoh selama tiga tahun untuk bercucuk tanam, tetapi selepas itu, mereka perlu memperbaharui lesen itu setiap tahun.

"Sekarang ini masalahnya, contoh bulan Januari dia mahu perbaharui, tidak ada jaminan ia diluluskan atau tidak. Ada kes sampai lima tahun tak boleh buat (perbaharui TOL).

"Ada kes yang tidak dapat diperbaharui, tiba-tiba dia (petani) dapat surat kena bayar cukai tanah. Jadi petani di sini susah untuk merancang," katanya lagi.

Headline	Sim urges approving land title to farmers		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	14 Jan 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A6	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	105 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 493
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,480



沈志勤：投资现代化种植 促批30年地契予农民

（怡保 13 日讯）公正党策略局主任沈志勤促请彭亨州务大臣拿督斯里旺罗斯迪尽快批出至少 30 年地契予金马仑高原农民，以让农民安心投资现代化种植，同时有助金马仑的农业发展。

他说，为了让农民安心发展，为何不考虑批出至少 30 年地契，或批准农民租用土地至少 20 年。

他今日就金马仑农耕地问题在丹那拉打公正党竞选中心召开记者会时指出，在会见许多金马仑农民后，获悉在这地方面对最大的一个问题就是农耕地问题，而且这些问题已存在数十年。

他表示，农民无法确保前景时，是不会在农地上做额外投资，包括投资现代化种植模式，这因农民无法确保其土地临时地契在明年可获得更新。

他指出，金马仑高原的前景有三大方向，分别是使用新科技进行现代化种植、生态旅游以及农业副产品。

他说，现代化种植才能吸引年轻人留下来发展事业。

蔡依锰： 出租土地合法化农耕

另外，今天也来到记者会现场的金马仑菜农公会总务蔡依锰，随后受访时呼吁彭亨州政府，能够通过州政府机构，出租土地予金马仑农民，以便能够合法化农民的农耕活动。

出席者包括公正党金马仑区部主席陈伟文。

也是农业与农基工业部副部长沈志勤在记者会后，便展开其官访哈布区和冷力区的菜园和农耕地，以便亲自了解金马仑农民情况。#

Headline	30-years of title deeds for Cameron farmers,		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	663 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,340
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,020



沈志勤挑战彭大臣 给金马仑农民30年地契

(金马仑 13 日讯) 金马仑农业发展受到土地问题“扯后腿”，农业与农基工业部副部长沈志勤挑战彭州务大臣拿督斯里旺罗斯迪，向金马仑农民发出 30 年地契。

他强调，金马仑农民面对数十年悬而未决的土地困境，当地农业无法走向先进化，农民不敢投资新科技，年轻人也无法在家乡耕种谋生。

沈志勤今日在金马仑补选希望公正党行动室召开记者会说，旺罗斯迪作为金马仑国会选区内的日莱州议员兼大臣，应对土地问题作出解释。

他解释，地契或土地临时准证的不确定因素，使农民缺乏保障，只作短期投资，不敢引进高额投资的新科技。

“许多农民都是从祖辈开始种植，至今已耕耘数十年，但州政府却没给予更长的临时地契，让农民有信心发展农业，包括策划现代化农业生产，引进新的种植科技。”

耕地 80%不获准证

金马仑农业协会主席兼公正党金马仑区部主席陈伟文说，有临时地契的农民目前需每年更新准证，耕种地 80%不获准证，加上审批或拖延 3 至 5 年，农民无法获得许多官方认证，高品质的蔬果因而无法出口。

他补充，也有部分农民其家族在 30 至 60 年前开始种植，惟至今依然不获批准土地。



沈志勤（右起）与陈伟文交流金马仑农民土地问题。左为共青团通讯主任黄骏延。

下月起派专家研究 打造金马仑高原农业

沈志勤说，该部已有明确的计划为金马仑量身打造高原农业，去年 8 月成立由县土地局、农业局等政府机构与农业非政府组织组成的金马仑高原

农业发展行动小组，将于下月起派专家研究高原种植。

“同时大马农业发展研究所也与私人界种子研究公司合作，研发适合金马仑热带高

72 菜农获临时地契 蔡依锰盼彭州政府速批

金马仑菜农公会总务蔡依锰指出，自去年 12 月，有 72 名菜农已获批临时地契，希望彭州政府尽快发出地契。

他今日在农业与农基工业部副部长沈志勤召开记者会后向媒体透露，金马仑有 51 名菜农、花农及水源地耕种者在上个月获彭州森林局发出准证，可在森林保留地作农耕活动，近期又有另 21 人获准。

原高产量及优良品种。”

沈志勤说，金马仑的农产量高，但仍未达致最好产效，而金马仑农业发展主要从 3 个层面推动，即现代化务农、农业旅游及农基下游工业。

农业旅游无地拓景区

他说，该部也鼓励企业推动金马仑农业旅游，吸引国内

他说，大部分菜农每年都必须更新临时地契，但都需经历长时间等待批准，因此该公会 2 天前已向彭州务大臣拿督斯里旺罗斯迪提呈备忘录，要求州政府给予长达 30 年地契。

他也希望州政府减少税务，包括临时地契每年更新地契每亩 1500 令吉，农业水费每年每亩 480 令吉，以减轻农民负担。

外游客观光，惟业者也同样面对土地问题，使景区无法扩大发展。

至于农基工业，沈志勤表示，金马仑农民为解决产量过剩问题，以销毁农产品抑制价格下跌，若能拓展下游工业，如生产草莓干及草莓酱等将之加工为新产品，但高原鲜少此类加工工业。

Headline	Manogaran: Convert farmers` land TOL to lease		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	4	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	235 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,390
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,170



马诺佳兰（左二）循众要求，与选民合影。

馬諾佳蘭:無須每年更新臨時地契 應讓農民租賃土地

（金马仑13日讯）希盟金马仑区国席候选人马诺佳兰认为，虽然土地是州政府的权限，但因彭亨州国阵政府依赖联邦希盟政府提供财务援助，因此联邦政府可借此要求州政府把发临时地契方式，改为租赁土地方式，以便有关耕农无须每年更新临时地契。

他说，联邦政府与彭亨州政府可以合作，解决金马仑临时地契耕农的问题，一旦他中选为金马仑区国会议员，将致力促成此事，同时也会其他问题和议程，带到国会和布城。

他今日在冷力和巴登威利的大街拜票后对记者说，当地许多耕农希望有关当局能批更长有效期限的临时地契，不用他们每年更新，他本身也认为州政府给已耕种了数十年的农民发临时地契是不恰当的，可以的话，让他们租赁有关地段。

他说，耕农若只持临时地契自然不会对农园进行更大的投资，因为不知一年后是否还能在原地耕种，若给他们长时间租赁土地，自然会将农园弄好，也会为员工建完善的宿舍等。

他表示，金马仑是彭亨州

主要经济支柱，而金马仑的旅游业也对全国很重要，因此联邦政府和彭州政府都必须关注此问题，并将有关问题带到农业部及相关部门，以纠正困扰农民多年的问题。

针对申请外劳问题，他已传达给相关部门，业者抱怨需奔走多个地方去办理申请外劳手续，希望有关单位能够给予业者方便。

他说，金马仑人民面对的其他问题，包括土崩、环境污染和水源污染等问题，其中巴登威利居民也因为河床不够深，以致有时下大雨时会闹水灾。

“虽有关当局已采取数步骤解决问题，但我觉得还做得不够。”

他说，2013年10月因国能在冷力的苏丹阿布巴卡水坝泄洪，导致4人丧命，许多人蒙受惨重损失，因此政府有必要设立水坝安全委员会和制定相关法令。

他说，冷力和巴登威利的地方清洁工作欠佳，他也发现这些地方的排水沟很肮脏，他促请金马仑县议会加以改善这方面的服务，每天都要进行清理工作。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	HARAKAH	UTARA	N18

3,000 petani **rug**i hadapi padi angin

Oleh NOOR SARA MASHITOH

ARAU: Pesawah berdepan masalah padi angin sehingga menyebabkan padi mudah relai dan gugur sebelum sempat dituai.

Masalah itu menyebabkan petani terpaksa berputih mata kerana terpaksa menanggung kerugian.

Seorang petani di Kampung Sungai Padang, Mohd Bun Man 66, berkata penyakit padi angin menjejaskan hasil pendapatan dan merugikan industri padi negara.

"Padi angin yang tumbuh dalam sawah boleh mengurangkan hasil tanaman. Kadang-kadang bukan setakat kurang malah tidak mendapat hasil langsung.

"Ada petani yang mengusahkan padi lima atau enam relung hanya memperoleh satu tan padi sahaja," katanya di sini.

Menurutnya, masalah itu dikenal pasti berpunca benih yang diedarkan kepada petani oleh Jabatan Pertanian.

Mohd Bun berkata, benih padi yang dibekalkan tiada kualiti sehingga me-



Petani menunjukkan padi angin yang menjejaskan hasil.



Mohd Bun Man



Samsudin Zainal



Rokiah Ngah

nyebabkan petani terpaksa menanggung kerugian.

Seorang lagi petani Rokiah Ngah, 62 juga memberitahu masalah padi angin tidak boleh diatasi dengan racun atau baja.

"Padi angin ini lebih dahsyat berbanding rumput yang tumbuh dalam bendang. Kalau rumput kita boleh racun.

"Tetapi padi angin kami dah tak tahu nak buat apa.

Dah berbagai ikhtiar dibuat tetapi padi angin masih tumbuh.

"Jadi kami berharap pihak berkuasa turun padang menyelami masalah yang dihadapi pe-

tani," katanya.

Difahamkan masalah tersebut dihadapi kira-kira 3,000 petani yang mengusahkan padi di kawasan seluas 350 hektar di Sungai Padang dan Jawi 100.

Samsudin Zainal juga

seorang petani berkata, kos mengusahkan bendang lebih kurang RM500 termasuk baja, benih padi dan racun.

Menurut beliau sekiranya padi tidak rosak anggaran hasil satu relung sebanyak RM1,100 semusim.

PAS tidak



Petani tanaman kontan rugi, mahu masalah diatasi segera

AZIE YAHYA

KUALA LANGAT

Kira-kira 50 petani di Kampung Olak Lempit, di sini mengeluh kecewa apabila tanaman kontan yang diusahakan mereka musnah ditenggelami banjir kilat, bulan lalu.

Mereka mendakwa banjir sedalam 0.5 meter selama empat hari itu dipercayai akibat aktiviti perlombongan pasir di kawasan berhampiran.

Lebih menyedihkan, kejadian itu mengakibatkan petani kerugian kira-kira RM120,000.

Norsuzila Ahmad, 45, berkata, dia mengalami kerugian besar apabila tanaman keledek, keladi dan ubi kemili yang diusahakan musnah dalam sekelip mata.

Menurutnya, tanaman berkenaan hanya menunggu masa untuk dituai dan lebih mengecewakan apabila kesemuanya rosak dan tidak boleh dijual.

"Tuhan saja yang tahu perasaan saya

ketika itu. Seolah-olah apa yang kami usahakan semalam sia-sia," katanya ketika ditemui di lokasi itu.

Norsuzila berkata, sebelum ini banjir kilat sering berlaku di kawasan berkenaan, namun tidak seteruk itu dan hanya berapa jam sahaja.

"Tapi kali ini air naik mendadak hingga paras lutut dan menenggelamkan tanaman. Akibatnya, semua musnah dalam banjir empat hari itu.

Justeru, Norsuzila yang sudah sembilan tahun mengusahakan tanaman berkenaan berharap pihak berkaitan dapat



JALALUDIN



AZIZUL

membantu menyelesaikan masalah itu bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

Terpaksa cari modal baharu

Perkara sama turut berlaku kepada Jalaludin Salim, 56, yang sepatutnya boleh menuai hasil tanamannya Mei depan.

Bagaimanapun katanya, dia terpaksa mencari benih baharu untuk ditanam semula.

"Duit jualan itu sebenarnya boleh kami gunakan untuk belanja masa bulan puasa dan raya nanti. Tapi bila dah jadi macam ini, kami tak tahu mana nak cari duit belanja," katanya.

Jalaludin yang turut menjadi pembekal ubi dan keledek untuk kilang kerepek buntu kerana semua bekalan termasuk baja tanaman rosak dan tidak dapat diselamatkan.

"Memang setiap tahun kami bekalkan stok kepada mereka, tapi bila dah jadi macam ni, kami tak boleh nak buat apa-apa," katanya sayu.

Menurutnya, kehidupan penduduk di kawasan itu banyak bergantung kepada hasil pertanian namun kejadian itu mengakibatkan modal mereka lebur tetapi tiada hasil dituai.

Dia mendakwa ada pihak yang mencadangkan pembinaan saliran tetapi tiada yang mampu kerana kos tinggi.

Sementara itu, Zulkarnain Abdul Hamid, 58, berkata, sebanyak 12 tan ubi

kayunya yang hanya menunggu tempoh seminggu untuk dituai tenggelam.

"Memang langsung tak boleh diselamatkan. Semuanya busuk," katanya yang turut mengusahakan tanaman nenas dan sayur pucuk manis.

Menurutnya, kesemua petani itu tiada tempat mengadu dan berkongsi pandangan kerana belum ada ketua kampung.

"Kalau ada ketua kampung, senang nak rujuk dan minta pandangan. Tiada siapa nak dengar keluhan dan rintihan kami," katanya.

Rumah turut dinaiki air

Dalam pada itu, penduduk, Azizul Baharom, 31, berkata, rumahnya bersama empat yang lain turut dinaiki air akibat banjir kilat berkenaan.

Azizul juga mendakwa, kejadian itu tidak berlaku sebelum ini dan hanya memenuhi parit sahaja.

"Banjir di halaman rumah separas lutut. Mujur tak masuk rumah. Kereta kena letak di tempat tinggi," katanya.

Menurutnya, banjir kilat kali ini lambat surut malah turut memusnahkan tanaman petani.

Sementara itu, Penolong Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Langat, Bohari Osman berkata, banjir kilat itu disebabkan limpahan air yang banyak ketika hujan lebat dan tidak dapat mengalir keluar ke Sungai Langat selain aktiviti perlombongan pasir di kawasan berhampiran.

Justeru, pihaknya bercadang membina penyelenggaraan pam air di Sungai Kuala Langat bagi membolehkan air dipam dari kawasan terjejas banjir.

"Namun ia bergantung sama ada cadangan itu diluluskan atau sebaliknya. Jika diluluskan, projek menelan belanja RM6 juta itu mungkin akan dimulakan hujung tahun ini," katanya.

Tanaman musnah ditenggelami air



Kawasan tanaman keladi yang diusahakan petani masih digenangi air.



Zulkarnain (kiri) menunjukkan ubi kayu rosak akibat ditenggelami banjir kilat.



Tanaman ubi kayu diusahakan Zulkarnain tidak boleh dituai selepas ditenggelami banjir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	HARIAN METRO	BESTARI	47

BIMBING USAHAWAN NBME

FAMA galak pelajar jadi ejen dropship produk IAT menerusi portal Agrobazaar online

Nur Izzati Mohamad
cnews@nstp.com.my

Berhasrat mengurangkan ketergantungan pelajar terhadap pekerjaan 'makan gaji' mendorong Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) memperkenalkan Program New Breed Marketing Entrepreneur (NBME).

NBME adalah satu program pemasaran dalam talian yang mana pelajar terdiri daripada ahli kelab Myagrosis menjadi penjual semula (reseller) atau ejen dropship yang dilantik untuk mempromosi produk usahawan Industri Asas Tani (IAT) menerusi portal Agrobazaar Online.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, agensi itu komited dalam membangunkan minat pelajar terhadap bidang keusahawanan supaya mereka tidak hanya bertumpu kepada pekerjaan makan gaji, sebaliknya mewujudkan bidang kerja kepada individu lain.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai inisiatif dilaksanakan FAMA dengan bekerjasama



ISHAK (depan empat dari kanan) bersama ahli kelab Myagrosis dan pelajar.

universiti awam dan swasta di seluruh negeri sehingga wujudnya NBME.

"Program ini kerjasama antara FAMA, ahli kelab Myagrosis dan usahawan IAT yang dilihat memberi impak sangat besar kepada semua pihak.

"Kini pelajar banyak terbabit dalam perniagaan dropship dan program ini mampu membimbing mereka dalam hal berkaitan pemasaran dalam talian serta membuka idea untuk perniagaan sendiri apabila tamat belajar kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



PLAK perasmian ditandatangani Ishak (kiri) ketika majlis pelancaran NBME.

merasmikan Program NBME Peringkat Pulau Pinang di Politeknik Seberang Perai (PSP), baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak, Pengarah

FAMA Pulau Pinang, Habibah Sulaiman dan Pengarah PSP, Mejar (K) Mohd Fisal Haroon.

Sempena program NBME itu, FAMA turut memeterai kerjasama dengan beberapa

institusi pengajian tinggi antaranya politeknik, kolej komuniti dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi mengadakan Cabaran Agrobazaar Online yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Cabaran itu bermula pada bulan ini hingga Jun depan dan mempelawa usahawan pertanian serta IAT yang bersedia menjadi pembekal produk atau dropship kepada usahawan NBME dari kalangan pelajar kolej atau universiti berkaitan untuk menyertainya.

Sementara itu, Mohd Fisal berkata, pihaknya menyeru pelajar mengambil peluang menyertai cabaran berkenaan kerana ia platform terbaik dalam usaha memantapkan diri menjadi usahawan.

"Saya yakin terlalu ramai pelajar berniaga secara dalam talian untuk mencari pendapatan sampingan dengan menjual produk orang lain atau barangan yang dihasilkan sendiri, justeru inilah masanya bagi menambahkan pengetahuan dan perlu dimanfaatkan bantuan ini sepenuhnya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	BERITA HARIAN	ISU	18

LPP sasar tubuh yayasan bantu peladang

Kuantan: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berhasrat menubuhkan yayasan di-tadbir urus lembaga itu sendiri bagi membantu peladang dan pekebun yang ber-naung di bawahnya.

Pengerusi LPPM, Datuk Mazlan Aliman, berkata penubuhannya sudah dicadangkan pada mesyuarat ahli lembaga pengarah sebelum ini sebagai platform membantu ahli mereka yang kesempitan hidup.

"Cadangan ini mendapat maklum balas positif daripada ahli mesyuarat dan kita akan cuba mendapat kata putus pada mesyuarat yang akan diadakan lagi pada 22 Januari ini," katanya ketika ditemui selepas Program 'Back To School' Anak-anak Ahli Pertubuhan Peladang Negeri Pahang 2019 di Kolej Poly-Tech MARA, di sini, semalam.

Seramai 88 anak ahli peladang daripada 22 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negeri ini menerima bantuan beg sekolah dan wang saku bernilai RM13,200.

Mampu realisasi yayasan LPP

Mazlan berkata, yayasan LPP mampu di-realisasikan memandangkan ramai ahli sudah menyuarakan kebimbangan mengenai harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah yang tidak menentu, sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.

Katanya, yayasan berkenaan bukan sahaja berperanan sebagai institusi menjaga kebajikan peladang dan pekebun kecil, malah mampu berfungsi sebagai institusi kewangan yang kukuh seperti yayasan lain.

"Kita akan bincang konsep dan kandungan yayasan ini supaya ia dapat mampu memainkan peranan untuk membantu ahli dan kakitangan kita.

"Tetapi ia bukan tertumpu kepada kebajikan semata-mata, kita akan cari apa lagi nilai tambah untuk memantapkan yayasan ini kelak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	20

LPP prihatin kebajikan peladang

Rancang tubuh yayasan bantu ahli yang memerlukan

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah yayasan yang ditadbir oleh lembaga itu bagi menjaga kebajikan peladang.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman berkata, penubuhannya sudah dicadangkan dalam mesyuarat ahli lembaga pengarah sebelum ini sebagai platform membantu ahli yang menghadapi kesempitan hidup.

"Kita wujudkan yayasan ini supaya ada satu tabung

dana besar yang kita ada ruang untuk para penderma yang ingin menyumbang tahu tempat yang betul untuk menyumbang.

"Cadangan ini mendapat maklum balas positif daripada ahli mesyuarat dan kita akan cuba mendapat kata putus dalam mesyuarat yang akan diadakan lagi pada 22 Januari ini," katanya ketika ditemui selepas Program 'Back To School' Anak-anak Ahli Pertubuhan Peladang Negeri Pahang 2019 di Kolej Poly-Tech Mara, semalam.

Turut hadir sama, wakil Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang negeri (Pasfa), Datuk Md Rusli Ismail, Pengarah LPP negeri, Datuk Sawalludin Ahmad, dan Pengurus Wilayah Agro Bank, Safaruddin Samsudin.

Seramai 88 anak ahli peladang daripada 22 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negeri ini



Mazlan beramah mesra bersama kanak-kanak penerima selepas menyampaikan sumbangan tersebut pada Program 'Back To School' Anak-anak Ahli Pertubuhan Peladang Negeri Pahang 2019, semalam

menerima bantuan berupa beg sekolah dan wang saku keseluruhannya bernilai RM13,200 pada program berkenaan.

Mazlan berkata, pihaknya yakin yayasan LPP mampu diwujudkan memandangkan ramai ahli sudah menyuarakan kebimbangan mengenai

harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah yang tidak menentu sekaligus menjejaskan pendapatan bulanan mereka.


Sementara itu, ketika diminta mengulas penggantungan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang bakal berakhir Selasa ini, Mazlan berkata, pertubuhan itu sudah bersedia untuk bangkit dan bergerak ke hadapan.

Menurutnya, dirinya percaya proses penstrukturan semula Nafas akan berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

"Apabila berakhirnya tempoh penggantungan ini, kita akan mengadakan lantikan jawatan tertentu secepat mungkin bagi memastikan kita dapat bergerak semula.

"Kita ada lima calon simpanan untuk dinaikkan sebagai ahli lembaga pengarah dan bakinya seramai enam orang lagi pula akan dipilih dengan lantikan oleh menteri dan pengerusi juga akan dipilih dalam kalangan 11 ahli ini," katanya.

Headline	No price increase for pork during CNY		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Kuching)		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	46,838
Page No	7	Readership	140,514
Language	Chinese	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,610
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,830



目前生猪价格已维持多年没调涨，即古晋每100公斤约1030令吉；诗巫每100公斤约1050令吉；美里则每100公斤约1120令吉。（档案照）

砂禽畜业公会生猪组主任吴秀添：生猪价格在农历新年期间不会起价。（档案照）



砂禽畜業公會派定心丸

春節豬肉沒漲價

報道 田詩其

（古晋13日讯）己亥猪年生猪与猪肉价格和供应保持稳定，没起价，消费者大可放心买“猪肉”！

即将迎来猪年，然而，各界对于生猪和猪肉的供应和价格也开始“敏感”起来，到底这个猪年，猪的价格如何呢？

星洲日报向砂禽畜业公会生猪组主任吴秀添了解行情，他向

消费者派定心丸，生猪价格在农历新年期间没任何调涨和变动。

他指出，目前生猪价格已维持多年没调涨，即古晋每100公斤约1030令吉；诗巫每100公斤约1050令吉；美里则每100公斤约1120令吉。

他称，目前砂拉越生猪供应保持充足，同时也价格更是保持不变。

无理涨价可投报

此外，古晋三马拉汉省屠业

公会主席黄世平受访时表示，虽然年关将近，但本地市场上的猪肉价格仍保持不变，目前猪肉价格和供应都保持稳定。

较早前，农业与农基工业副部长沈志勤则表示，非洲猪瘟不影响本地猪价，我国的生猪价格仍保持稳定且供应充足，因此在农历新年期间不会涨价。

他呼吁民众若在农历新年期间，发现猪肉无理涨价，可向贸易部投报，让该局采取行动展开调查。

Headline	Fruit farmer federation raising fund to build new centre		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	294,476
Page No	2	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	506 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,912
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,736



申獲雪水果谷地地段 果農總會籌建會所

(雪邦13日讯) 马来西亚果农总会在隆雪果农协会的协助下，成功向雪州政府申请到雪州水果谷 (Selangor Fruit Valley) 的45英亩地段，以租赁方式作为总会会所，同时也将作为一个综合性平台，涵盖示范农场、培训中心、外贸交流中心、包装下游加工厂和种苗与技术研究中心等。

鍾旺添：6月動工

隆雪果农协会主席鍾旺添指出，该会协助申请多年，终于获得州政府批准该地段，预计耗资300万令吉打造，目前已筹获80万令吉，惟筹建会所基金仍然不敷，并将继续分阶段筹款。

他星期日下午出席隆雪果农协会常年会员大会及隆雪果农合作社常年会员大会时表示，该总会会所将由该会代为管理，将于今年6月动工，预计今年杪可启用部分设施，日后可在会所举办活动、开会及联谊等。

他说，该会也将与马来西亚农业、雪州农业局及农业大学配合，由当局派出优秀专才，或该会领袖授课，培训更多优秀的接班人及三大民族的年轻果农。

他希望集合该会会员的老经验和年轻人新思维将本地水果的事业做得更强，并创立属于大马的水果品牌，扬名国际。

农业座谈交流会百人参与

鍾旺添指出，该会已有10年历史，目前有215名会员，首度举办2天1夜的农业座谈会暨会员交流会，同时也进行隆雪果农协会常年会员大会及隆雪果农合作社常年会员大会。

参与的会员人数逾百人，首日进行了3项课程，晚上则举办篝火会，并正式成立妇女组及青团团，分别有30人及50人，以栽培更多年轻人加入农业，培养他们的兴趣。

他表示，该会目前设有许多小组，包括农业技术资讯组、农业组、网络资讯组、福利组和学术组等，并从中培养接班人，以避免出现青黄不接的情况。



隆雪果农协会2019-2020理事会成员合影，前排左起为林明辉、李心怡、邓赐安、黄运新、鍾旺添、顾兴明、江定安及黄俊豪。

他也说，隆雪果农合作社与本地一间农药公司签署了备忘录，向会员推广该公司产品，让他们了解使用农药的正确方式。

他也希望隆雪果农合作社可以有明确的方向和目标，于该会在双管齐下互相扶助，为会员谋取福利，并扩大商机。

末烈沙：

保留地荒地可出租充农业用途

雪州农业局局长末烈沙指出，雪州确实面对土地问题，难以获得土地作为拥有用途，必须与其他发展竞争，因此他也将协助该会和相关单位合作，可利用还没有任何发展计划的学校保留地或政府保留地，出租给该会作为农业用途。

他表示，雪州也有许多拥有地主的荒地，但地段小及分散四处，投资者也因此而不愿投资，或许可通过当地村长协调，从而推动农业发展。

覃比奥玛：

雪水果谷须有长远规划

雪州农业发展机构总经理覃比奥玛表示，雪州水果谷必须要有一套长远的规划，马来西亚果农总会已成功申请到45英亩地段，但若办得好，可增加扩大地段。

他指出，农民应分享农业的成功之道，毕竟这是工作辛苦的行业，但如今是个好的时机，若年轻人发现农业的成就，相信就会投身于该行业。



隆雪果农协会移交纪念品给末烈沙 (左三起) 及覃比奥玛，左起为黄运新、邓赐安、鍾旺添及顾兴明。

隆雪果農公會改選 鍾旺添蟬聯主席

隆雪果农协会进行新届理事会改选，主席一职出现三角战，并由原任主席鍾旺添以29票蝉联主席一职。

该会的大会提案只有一项，即通过向社团注册局提出申请，理事会由每年改选改为每两年改选一次，该提案获得一致通过。

该项提案已在上届会员大会提呈及通过，惟至今仍未获得社团注册局的批准，该会将在今年继续向当局提出有关申请。

隆雪果農公會 2019-2020理事會名單

主席	鍾旺添
署理主席	邓赐安
副主席	黄运新、顾兴明
秘书	李心怡
副秘书长	林明辉
财政	江定安
副财政	黄俊豪
理事	鍾锦兴、张义鸿、郑裕成、拿督叶佛养、何定发、李忠伟、卡里亚南、阿布 (受委)
查賬	邹正修

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2019	MSN NEWS	ONLINE	

Perluas skim PERKESO kepada petani



PADANG TERAP: Skim Keselamatan Perlindungan Sosial (PERKESO) akan diperluaskan kepada golongan petani menerusi Skim Bencana Pekerjaan Sendiri berikutan mereka berisiko terdedah dengan kemalangan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar, berkata setakat ini skim berkenaan yang diperkenalkan pada Jun 2017, hanya tertumpu kepada pemandu teksi dan e-hailing.

Bagaimanapun katanya, skim itu kurang mendapat sambutan apabila kurang 10 peratus daripada 100,000 pemandu terbabit mendaftar dengan PERKESO.

“Biarpun skim ini kurang mendapat sambutan daripada pemandu teksi dan e-hailing, jadi kita perlu lihat kepada sektor yang lain pula

termasuklah sektor pekerjaan dalam bidang pertanian yang mudah terdedah dengan kemalangan.

“Golongan petani ini juga perlu dilindungi PERKESO, kebanyakan mereka bekerja sendiri dan ada yang terbabit dengan mengendalikan jentera, mesin, alatan tajam dan sebagainya yang sememangnya berisiko,” katanya.

© Provided by Media Prima PENERUSI Jawatankuasa Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin (kiri) dan Mahfuz Omar mendengar penerangan daripada usahawan cendawan Volvariella, Ismail Ibrahim, 63, di Kampung Musa, Pedu. NSTP/Noorazura Abdul Rahman

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan kerja projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di tapak cendawan Volvariella di Kampung Musa, Pedu di sini, hari ini.

Sementara itu, Mahfuz berkata, pihaknya turut merangka untuk memberi bimbingan kepada golongan bumiputera agar dapat mencipta kerja daripada makan gaji.

Katanya, pihaknya memandang serius soal pengangguran bumiputera yang sebenarnya mempunyai masalah kekurangan minda dan jiwa.

“Bimbingan ini adalah untuk memperkasakan jiwa bumiputera yang sering suka menunggu dan mengharapkan makan gaji. Tiada istilah pengangguran berikutan kerajaan menyediakan pelbagai peluang dan bantuan dalam pelbagai sektor terutama pertanian.

“Contohnya Thailand, negara itu mampu menjadi pengeluar asam jawa terbesar, ia bermula daripada pertanian, mereka hanya perlu menggunakan sumber yang ada iaitu tanah untuk menjana tempatan,” katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd

Headline	Kedah tidak berniat saingi Perlis		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	14 Jan 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,846



Kedah tidak berniat saingi Perlis

KUALA NERANG - Harum manis dari Padang Terap yang diusahakan tiga tahun lalu sedikit-sebanyak dapat membantu untuk menampung permintaan terhadap buah itu yang tinggi sejak beberapa tahun lalu.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama Kedah, Azman Nasrudin berkata, pihaknya tidak bertujuan mahu menyaingi Perlis sebagai pengeluar utama buah itu di negara ini.

"Kami hadir sebagai untuk membantu melengkapkan pengeluaran di samping berusaha menampung permintaan harum manis yang cukup tinggi di utara tanah air kerana keluaran sedia ada setiap tahun masih belum mencukupi," katanya kepada media sempena kunjungannya melawat projek-projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Daerah Padang Terap, semalam.



Azman (kanan) melihat pokok mangga harum manis yang baru berbunga di Kampung Padang Nyor, Kuala Nerang.

Menurutnya, iklim di daerah itu hampir menyamai iklim di Perlis sekaligus menyaksikan harum manis sesuai ditanam di kawasan tersebut dan mula mengeluarkan hasil pada tahun ini.

"Di daerah Padang Terap, setakat ini kita mempunyai 15 pengusaha tanaman harum manis yang melibatkan keluasan kawasan tanaman sehingga 29 hektar.

"Apabila banyak pengeluaran dapat dihasilkan maka ia bakal dinikmati oleh lebih

ramai pengemar pada harga yang lebih berpatutan sekitar RM15 sekilogram. Harganya paling mahal pernah mencecah sehingga RM40 sekilogram sebelum ini," katanya lagi.

Azman berkata, bagaimanapun, pihaknya mengjangkakan pengeluaran mangga harum manis yang bakal dituai pada tahun ini dari daerah tersebut dilihat hanya mampu menampung permintaan sekitar 10 peratus sahaja.